



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon Bumiputera Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan **tetap** di Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis Kampus Arau.

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	TARAF PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI MINIMUM - MAKSIMUM
KUMPULAN PELAKSANA					
1.	PENOLONG PEGAWAI SAINS	C29	Penolong Pegawai Sains	Tetap	RM1,505.00 – RM5,696.00

SYARAT LANTIKAN

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - Warganegara Malaysia;
 - Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat principal dalam subjek Matematik atau Sains pada peringkat peperiksaan tersebut

Gaji permulaan ialah pada Gred C29 : RM1,505.00; atau
 - Diploma dalam bidang sains atau teknologi makmal yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

Gaji permulaan ialah pada Gred C29: RM1,782.91; atau
 - Diploma dalam bidang kimia industri atau mikrobiologi yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

Gaji permulaan ialah pada Gred C29; RM1,858.12
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (**sekurang-kurangnya Gred C**) dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

- Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Makmal adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Sains Gred C29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :
 - Mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
 - Lulus Peperiksaan Khas; dan
 - Had umur pelantikan
 - Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

- ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun

CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah dibuat menggunakan Borang Perjawatan UiTM yang boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Perlis di <http://perlis.uitm.edu.my> atau datang sendiri ke Bahagian Pentadbiran, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis.
2. Setiap permohonan **MESTILAH** disertai bersama salinan dokumen berikut yang telah **DISAHKAN BENAR** dari salinan asal;
 - i) Kad Pengenalan
 - ii) Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf
 - iii) Diploma/Ijazah Sarjana Muda (sertakan bersama Skrol dan Transkrip Akademik terperinci)
 - iv) Surat Pengiktirafan kelayakan Akademik daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
3. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
4. Setiap permohonan yang dihantar hendaklah ditulis **NAMA JAWATAN** yang dipohon di penjuru kiri (atas) sampul surat.
5. Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan dengan salinan rekod perkhidmatan yang dikemaskini.
6. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

Tarikh tutup permohonan adalah pada **28 Disember 2020 (Isnin)**

Sila kemukakan permohonan kepada :



**TIMBALAN PENDAFTAR
BAHAGIAN PENTADBIRAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERLIS
02600 ARAU
PERLIS**

NO. TELEFON : 04- 9882000 / 2204 / 2207 / 2210